

PM - DOKTOR R'R'R'  
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 8 SEPT. (BERNAMA) -- SEBAHAGIAN DARIPADA PERKHIDMATAN PERUBATAN MUNGKIN DISWASTAKAN DALAM USAHA MENGATASI MASALAH PENGHIRJRAHAN DOKTOR KERAJAAN KE SEKTOR SWASTA; DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBAYANGKAN HARI INI.

+BOLEHKAH KERAJAAN MENGGWASTAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PERKHIDMATAN PERUBATAN AGAR PAKAR PERUBATAN SWASTA DAPAT MEMBERI RAWATAN KEPADA PESAKIT-PESAKIT DI HOSPITAL DAN PADA MASA YANG SAMA MENYAMPAIKAN PENGALAMAN DAN KEPAKARAN MEREKA KEPADA RAKAN-RAKAN YANG LEBIH MUDA?

+HARUSKAH KITA MEMBENARKAN PAKAR PERUBATAN KERAJAAN SECARA TERHAD BERKHIDMAT PERSENDIRIAN,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN KONGRES PERUBATAN MALAYSIA-SINGAPURA YANG KE-17 DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA BUAH-BUAH FIKIRAN SEPERTI ITU PERNAH DITIMBANGKAN DARI MASA KE SEMASA DAN KERAJAAN AKAN MENKAJI SEGALA IMPLIKASI SAMA ADA PERATURAN YANG MEMUASKAN DAPAT DIADAKAN.

SAMBIL MENYUARAKAN RASA BIMBANG ATAS KEKURANGAN DOKTOR KERAJAAN, BELIAU BERKATA KEADAAN YANG WUJUD SEKARANG IALAH INSTITUSI-INSTITUSI MEMPUNYAI KEMUDAHAN DAN KELENGKAPAN YANG PALING BAIK LAGI SOFISTIKATED DI NEGARA MANAKALA SEBILANGAN BESAR DOKTOR YANG KANAN DAN BERPENGALAMAN BERTUGAS PERSENDIRIAN. -- LAGI 1922/MK

PM - DOKTOR 2 KUALA LUMPUR

+DAPATKAH KITA MENCANTUMKAN KEDUA-DUA KEADAAN INI?+ KATANYA. DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAKYAT MALAYSIA YANG KIAN MENIKMATI HIDUP MEWAH KINI MENINGINKAN JAGAAN PERUBATAN YANG PAKAR.

IA JUGA MENYEBABKAN PERMINTAAN UNTUK JAGAAN PERUBATAN PAKAR PERSENDIRIAN DAN MENGAKIBATKAN PENGHIRJRAHAN DARI INSTITUSI AWAM KE SEKTOR SWASTA.

BELIAU MENGESYORKAN SUPAYA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DIPAKAI UNTUK LATIHAN IJAZAH LANJUT BAGI PARA DOKTOR.

+SUDAH TIBA MASANYA SEMUA PROFESIONAL SAMA ADA DI UNIVERSITI, HOSPITAL KERAJAAN ATAU SEKTOR SWASTA UNTUK BERGABUNG TENAGA DALAM USAHA MELETAKKAN ASAS YANG KUKUH BAGI PERKEMBANGAN LATIHAN PERUBATAN IJAZAH LANJUT DI MALAYSIA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA INI MEMERLUKAN DOKTOR BERKELAYAKAN TINGGI UNTUK MENGENDALIKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DAN HOSPITAL UTAMA.

PARA PAKAR PERUBATAN YANG CEKAP DIPERLUKAN UNTUK MENYELENGGARAKAN HOSPITAL DAERAH YANG SERBA BERKEKURANGAN. -- LAGI 1925/MK

ZCZC B649:  
PM-DOKTOR 3 KUALA LUMPUR.

+YANG DEMIKIAN, KITA PERLUKAN PARA DOKTOR YANG SERBA BOLEH. KITA PERLU JUGA MEREKABENTUK RANCANGAN LATIHAN IJAZAH LANJUT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN NEGARA,+ TAMBAHNYA.

BELIAU MENEGASKAN MALAYSIA MEMPUNYAI KEPAKARAN YANG PERLU UNTUK MELATIH RAMAI DARIPADA PAKAR PERUBATAN SENDIRI DAN YAKIN KOLEJ-KOLEJ DIRAJA DI UNITED KINGDOM DAN AUSTRALASIA AKAN MEMBANTU.

NEGARA INI KINI MEMPUNYAI SEBILANGAN BESAR DOKTOR YANG BERKELAYAKAN TINGGI, KEBANYAKAN MEREKA MENJADI ANGGOTA DAN FELLOW PELBAGAI KOLEJ DIRAJA.

+KAMI AKAN TERUS BERGANTUNG KEPADA KOLEJ-KOLEJ DIRAJA INI UNTUK MEMBANTU KAMI MELATIH PARA PAKAR PERUBATAN KAMI,+ KATANYA.

TETAPI, KATANYA, SUNGGUHPUN PERKHIDMATAN PERUBATAN NEGARA INI TELAH LAMA BERMANFAAT DARIPADA HUBUNGAN TRADISIONALNYA DENGAN BARAT, IA JUGA BOLEH MEMPELAJARI DARI NEGARA-NEGARA DI TIMUR.

BELIAU BERHARAP AKADEMI PERUBATAN MALAYSIA AKAN MEMBUAT DAYAUSAHA MENJALIN HUBUNGAN LEBIH ERAT DENGAN INSTITUSI SERUPA DI ASIA TENGGARA DAN ASIA TIMUR AGAR MALAYSIA DAPAT MENGEMBANGKAN BIDANG PERUBATAN DENGAN MENCANTUMKAN UNSUR-UNSUR TERBAIK DARI TIMUR DAN BARAT. -- LAGI 1940/0M

PM-DOKTOR 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA DASAR MEMANDANG KE TIMUR TELAH MENARIK MINAT PARA PROFESIONAL PERUBATAN, AHLI TEKNOLOGI PERUBATAN DAN SYARIKAT FARMASI DI JEPUN.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MEMAKAI JUBAH YANG MENANDAKAN BELIAU MENERIMA KEANGGOTAAN KEHORMAT AKADEMI. KENYATAAN PENGANUGRAHAN KEANGGOTAAN KEHORMAT DIBACAKAN OLEH DR. MAHMOOD MERICAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN BELIAU TELAH MENINGGALKAN BIDANG PERUBATAN 10 TAHUN LALU NAMUN BIDANG ITU MASIH MENJADI KESAYANGANNYA DAN BELIAU BERASA BANGGA KERANA DIINGATI SEBAGAI ANGGOTA PROFESION ITU.

+SAYA MUNGKIN TIDAK MENYUMBANG KEPADA BIDANG PERUBATAN SECARA LANGSUNG TETAPI SAYA BERHARAP DAPAT MENYUMBANG KE ARAH MATLAMAT AKADEMI UNTUK MEMUPUK DAN MEMELIHARA TARAF PROFESIONAL YANG PALING TINGGI DI NEGARA INI,+ KATANYA.

UPACARA TMAT DENGAN PIDATO TUN DR. ISMAIL YANG DISAMPAIKAN OLEH TAN SRI DR. TAN CHEE KHOON.

KIRA-KIRA 400 ORANG PAKAR PERUBATAN DARI MALAYSIA, AUSTRALIA, SINGAPURA, KANADA, HONG KONG, AMERIKA SYARIKAT, SWEDEN, ARAB SAUDI DAN UNITED KINGDOM MENGHADIRI KONGRES TIGA HARI ITU.

TURUT HADIR IALAH SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN KESIHATAN ENCIK YEOH POH SAN, MASTER AKADEMI PERUBATAN MALAYSIA DR. NG CHUAN WAI DAN RAKAN SEJAWATNYA DARI SINGAPURA DR. CHOW KHUEN WAI.  
- BERNAMA 2000/0M